

REKA CORAK DAN SIMBOLISME MOTIF *PINAKOL* DALAM PAKAIAN MASYARAKAT RUNGUS DI SABAH

Siti Fariza binti Mahfar
Humin Jusilin

ABSTRAK

Manik merupakan salah satu bahan dalam seni kraf awal yang dicipta seiring dengan kemunculan tamadun manusia. Masyarakat Rungus di Sabah amat terkenal dengan penggunaan seni manik dalam pakaian, ritual dan adat istiadat yang diturunkan sejak zaman berzaman. Manik diperbuat daripada pelbagai material yang mengandungi berbagai-bagai bentuk dan warna. Pada umumnya, manik dicipta sebagai barang perhiasan tubuh dan kemudiannya berkembang menjadi bahan bekalan di kubur, keagamaan, mata wang, hantaran kahwin, azimat, ritual, simbol kemewahan dan sebagai hadiah harta pusaka. Sejarah menunjukkan bahawa bahan manik menjadi material terpenting dalam perdagangan di Asia Tenggara dan sering ditemui di tapak-tapak arkeologi. Perkembangan ini sinonim dengan penemuan bahan manik dalam kalangan masyarakat Rungus, iaitu pengguna tegar bahan manik di kawasan Borneo. Kearifan pemikiran masyarakat Rungus digambarkan dalam pelbagai imej reka corak yang dihasilkan. Setiap corak dan motif manik memaparkan simbolisme yang menggambarkan pemikiran serta pandangan hidup mereka. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kerja lapangan bagi mengumpul data dan menganalisis reka corak dan motif manik. Hasil kajian menunjukkan bahawa motif seni manik diilhamkan berlandaskan simbol-simbol tumbuhan, haiwan dan alam. Keunikan identiti dan pemikiran masyarakat Rungus melalui seni manik harus didokumentasi sebagai satu warisan etnik yang kaya dengan maksud yang tersirat.

Kata kunci: Reka corak, motif, *pinakol*, pemikiran, simbolisme dan masyarakat Rungus.

ABSTRACT

Beads are one of the earliest artifacts made along with the existence of human civilization. The Rungus society in Sabah is known for their use of beads in clothes, rituals and customs for centuries. Beads are made in various shapes and colours from various materials. Generally, beads were used as body accessories and later became religious relics as well as currency, dowry, charms, rituals, a symbol of luxury and inheritance. History shows that beads were important in trading in South East Asia and have always been found at archaeological sites. This article focuses on the discovery of beads in Rungus society who are avid bead users in Borneo. The intelligence of Rungus society is reflected in various design and images produced on the beads. Each design and motive of beads expressed symbols that reflect the mindset of Rungus society. This research was done using fieldwork method to compile data and analyze the design and motive of beads. The result shows that the motive of beads were inspired by plants, animals and nature. The unique identity and way of thinking of the Rungus society through bead art is documented as a meaningful ethnic inheritance.

Keywords: *Design, motive, pinakol, intelligence, symbolism and Rungus society.*

PENGENALAN

Seni manik dikenali sebagai kraf tangan yang menampilkan pelbagai variasi bentuk, corak dan motif. Keunikan manik masyarakat Rungus di Kudat, Sabah menampilkan motif bersumberkan alam, haiwan dan binatang. Motif ini penuh simbolik dan menterjemahkan citra masyarakatnya. Kraf tangan ini dikenali sebagai perusahaan berbentuk kerja seni dan daya cipta yang memerlukan kemahiran tangan (*Kamus Dewan*, 2000: 55). Lazimnya, kraf tangan ini disifatkan sebagai barangan kemahiran yang melibatkan pemikiran dan peralatan mudah atau tanpa menggunakan alat. Kerja kraf ini dijalankan secara sendiri atau tidak langsung (Akta 222, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia 1979).

Pinakol merujuk kepada hiasan gubahan manik yang dipasang pada pakaian masyarakat Rungus di Kudat. Gubahan manik *pinakol* telah diwariskan secara turun-temurun dalam kalangan masyarakat Rungus di daerah ini. *Pinakol* ialah objek budaya yang bermakna dalam kehidupan. Justeru, seni kraf ini merupakan warisan pusaka Rungus yang mesti diturunkan kepada anak-anak perempuan.

Pinakol terdiri daripada sepasang aksesori jenis selempang yang diperbuat daripada manik leper. *Pinakol* biasanya dipakai secara melintang pada dada hingga ke belakang bagi kegunaan hiasan umum. Selain itu, *pinakol* juga

sering diperagakan pada majlis perkahwinan. Hasil kerja manik, warna yang digunakan dan reka bentuknya dapat membezakan masyarakat Rungus dengan etnik lain di Sabah dengan mudah. Lambang dan identiti Rungus secara tidak langsung dipaparkan pada motif atau reka corak melalui barangan kraf tangan mahupun pakaian. Hal ini memberi gambaran bahawa terdapat penceritaan di sebalik sesuatu motif yang dihasilkan. Masyarakat Rungus di Sabah mempunyai lambang warisan budaya tersendiri. Hal ini dapat dilihat kaitannya dengan kepelbagaian adat serta budaya yang unik dan mempesonakan.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT RUNGUS

Masyarakat Rungus atau dikenali juga sebagai etnik Momogun hanya ditemui di bahagian utara Borneo. Bahagian utara Borneo ini meliputi daerah Kudat, Matunggong, Kota Marudu, Pitas, termasuk Banggi dan sebahagiannya di Sandakan. Semua wilayah atau daerah-daerah yang telah disebutkan berada di negeri Sabah, yang juga termasuk dalam persekutuan negara Malaysia (Ong Puay Liu, 1994).

Rajah 1¹ menunjukkan petempatan masyarakat Rungus di Sabah. Bulatan berwarna hijau menunjukkan daerah kecil di Kudat, manakala bulatan berwarna merah merupakan kawasan kampung di daerah tersebut. Daerah Kudat terletak di utara negeri Sabah, iaitu kira-kira 190 kilometer dari Kota Kinabalu dan pernah menjadi ibu negeri bagi *North Borneo* (Sabah) dari 17 Disember 1881 hingga 1884. Di barat Kudat ialah Laut China Selatan dan di timur Kudat menghadap Laut Sulu. Kudat terletak pada garis lintang 6°55' utara, garis bujur 116°50' timur. Nama Kudat berasal daripada dua legenda tempatan iaitu "KUTAD" yang bermaksud "Rumput Lalang" dalam suku kaum terawal di daerah Kudat, iaitu Rungus dalam rumpun Kadazan Dusun (asalnya Momogun tetapi atas kepentingan politik, Kadazandusun telah digunakan). Legenda kedua adalah dari suku kaum Benadan iaitu "Takudad Aku" yang membawa maksud "Terkejut Aku".



Rajah 1 Petempatan masyarakat Rungus

Masyarakat Rungus dikenali dalam sejarah sebagai penduduk terawal di negeri Sabah. Mereka telah berhijrah dan bertapak di Borneo ini lebih kurang 5,000 tahun dahulu. Suku kaum ini dipercayai perintis kepada penghijrahan beramai-ramai ke selatan dari negeri China dan Tibet menerusi Tanah Besar Asia Tenggara dan seterusnya ke Semenanjung Tanah Melayu hingga ke Kepulauan Indonesia, termasuk Borneo (Raymond Majumah, 2014).

Terdapat tiga organisasi sosial penting dalam masyarakat Rungus iaitu keluarga domestik, rumah panjang dan kampung. Masyarakat Rungus mengamalkan perkahwinan monogami. Poligami amat jarang dilakukan kecuali lelaki yang berharta atau berlaku sesuatu kes seperti zina. Apabila berlakunya poligami, isteri akan diasingkan dan tinggal dalam rumah berbeza tetapi dalam rumah panjang yang sama. Amalan berpogami ini dipandang negatif oleh masyarakat Rungus kerana dikhuatiri suami tidak berlaku adil dan dikatakan merampas hak isteri pertama (Abd. Aziz 1987).

Perceraian tidak digalakkan dalam perkahwinan Rungus. Jika berlaku perceraian, anak-anak diberi pilihan sama ada ingin tinggal bersama ibu atau bapa mahupun bersikap berkecuali. Pihak isteri biasanya akan membawa anak-anak ke kampung ibu bapanya, manakala suami lebih bebas untuk menentukan hala

tuju hidupnya. Harta sepencarian akan dibahagi sama rata sekiranya perceraian dilakukan atas permintaan kedua-dua pihak yang terlibat.

Jika didapati salah seorang bersalah dalam hal perceraian ini, maka harta yang lebih akan diberikan kepada yang tidak bersalah. Kes perceraian akan diadili oleh ketua-ketua kampung iaitu penghulu kampung yang diduduki oleh kedua-dua (suami dan isteri). Mereka yang terlibat termasuk ketua kampung asal pihak isteri, ketua kampung asal pihak suami, ketua kampung berdekatan serta tokoh-tokoh masyarakat. Kata putus berkenaan siapa yang bersalah serta ganti rugi yang perlu dibayar akan dilakukan oleh ketua kampung yang diduduki oleh suami isteri tersebut.

Kebiasaannya, perbicaraan mengenai kes perceraian ini dimulakan dengan usaha memujuk pasangan tersebut agar berfikir untuk tidak berpisah dan sebagainya. Perceraian dianggap jalan terakhir jika pasangan tidak mencapai kata sepakat lagi.

Apabila berlaku kematian terhadap salah seorang pasangan suami isteri, suami perlu meminta izin pada bekas mentua untuk berkahwin sekali lagi. Jika isteri yang meninggal dan mempunyai adik perempuan yang masih belum berkahwin, maka suami diharapkan dapat mempertimbangkan sewajarnya untuk mengahwini adik ipar tersebut.

Rumah panjang atau *vinatang* dalam bahasa Rungus merupakan kebanggaan bagi masyarakat ini, mempunyai ciri-ciri yang unik. Rumah panjang yang berukuran 300 kaki panjang biasanya dibina di atas bukit dan ditinggikan binaannya. Pada bahagian kolong (bawah rumah panjang) digunakan untuk memelihara binatang seperti ayam, kerbau dan babi serta sebagai tugu pertahanan dari serangan musuh.

Sebuah rumah panjang boleh mengandungi beberapa keluarga domestik yang menetap di dalamnya. Bilangannya tidak tetap iaitu tujuh, sepuluh atau 50. Keluarga domestik ini bergantung kepada keinginan pasangan suami isteri untuk tinggal di dalam rumah panjang berkenaan atau sebaliknya. Keluarga domestik adalah kelompok sosial yang paling menonjol dalam kalangan masyarakat Rungus (Appell, 1964).

Rumah panjang merujuk kepada suatu ruang penempatan sepunya. Kesemua penghuni berkongsi apa sahaja yang ada di dalam rumah panjang. Penghuni rumah tersebut tidak mempunyai konsep milikan peribadi, ruang

peribadi, peraturan, dan undang-undang. Setiap penghuni boleh berada di mana sahaja dalam rumah panjang serta bebas bertingkah laku tanpa sekatan, kawalan atau hukuman (Akta Perbadanan Penggalakan Pelancongan Malaysia 1999).

Kampung pula secara tradisinya mempunyai sempadan antara satu sama lain. Sempadan ini biasanya berpandukan pada sungai atau anak sungai, puncak bukit, pokok yang besar dan tanda-tanda alam semula jadi yang lain. Setiap kampung mempunyai sebuah rumah panjang dan jumlah penduduknya antara 50 orang hingga 800 orang.

Kegiatan ekonomi utama penduduk Rungus tertumpu kepada sektor pertanian yang lebih menguntungkan. Antara tanaman yang diusahakan secara beramai-ramai oleh masyarakat Rungus adalah penanaman getah di beberapa kawasan kampung. Sektor perikanan juga merupakan penyumbang ekonomi kedua terbesar selepas pertanian kepada masyarakat Rungus. Sektor ini semakin berkembang dengan kewujudan beberapa kilang yang mengusahakan industri perikanan.

Selain itu, sekumpulan penduduk Rungus di Kampung Gombizau dan Matunggong mengusahakan penternakan madu lebah. Proses pengeluarannya turut diusahakan bersama oleh wanita Rungus melalui Kumpulan Wanita Penternak Madu Lebah. Madu segar dan asli ini dikatakan mempunyai banyak keistimewaannya.

SEJARAH MANIK

Sejarah peradaban manusia membuktikan bahawa manusia pada awalnya menggunakan batu dan pelbagai bahagian binatang untuk memenuhi keperluan asas hidup mereka. Manusia yang hidup di dalam gua menggunakan peralatan seperti kapak batu dan pisau yang diperbuat daripada tulang. Apabila mereka mula menetap di sesuatu kawasan dan melakukan aktiviti bercucuk tanam, mereka berusaha memenuhi kepuasan hatinya. Kepuasan diri yang dimaksudkan ialah mengolah bahan alam semula jadi menjadi kelengkapan perhiasan tubuh. Hasil seni yang paling tua dalam sejarah peradaban manusia dibuat daripada kulit kerang atau biji-biji rumput yang diikatkan pada leher dan anggota badan lain.

Manik-manik yang terdapat di muka bumi ini telah wujud sekitar lebih 40,000 tahun Sebelum Masihi (SM). Manik pertama kali ditemui di Gua La Quina di Perancis yang diperbuat daripada tulang dan gigi binatang. Manik telah berkembang di tengah peradaban besar dunia seperti Mesir, Rom, India, Cina dan sebagainya (Coles & Budwig, 1990: 14).

Manik adalah sejenis objek relatif kecil yang berlubang di tengahnya sebagai tempat untuk memasukkan benang atau tali dan dirangkai menjadi untaian gelang, rantai dan sebagainya. Keindahan manik ini bergantung kepada bahan yang dipakai, bentuknya, warna dan teknik pembuatannya. Motif pada manik dan jenis bahan asasnya juga beraneka ragam. Secara tradisionalnya, kita boleh membuat manik-manik daripada batu, kayu, biji buah, tulang, taring, kaca dan bahan-bahan lain. Pada masa kini, manik juga boleh diperbuat daripada plastik dan logam. Seorang ahli manik dari Amerika, Peter Francis Jr. (1989) mengatakan “Manik adalah benda indah. Setiap butir merupakan karya seni kecil. Sesungguhnya manik adalah bentuk seni pertama yang dikenal di manapun. Semua orang menggemarinya: tidak ada yang tidak menggunakannya!”

Secara umumnya, penggunaan manik dalam masyarakat Rungus pada awalnya tidak meluas dan hanya dimiliki oleh individu yang berkemampuan. Hal ini adalah disebabkan harga manik yang sangat mahal dan susah didapati.


Manik dalam Seni Pakaian Rungus

Rajah 2 (i) dan (ii), menunjukkan penggunaan *pinakol* dalam pakaian tradisional wanita Rungus. Baju dipanggil *banat tondu* dan skirt pula disebut sama ada *tapi* biasa yang dikenali dengan *rinugading* atau *tinongkupan*. Rajah 2 (i) adalah pakaian pada pandangan hadapan, manakala Rajah 2 (ii) pula menunjukkan imej pakaian pada pandangan belakang. Masyarakat Rungus menggunakan hiasan manik pada pakaian dan digayakan semasa perayaan atau majlis perkahwinan.



Rajah 2 Penggunaan manik pada pakaian tradisi wanita Rungus

Pelbagai hiasan daripada manik diperagakan dalam pakaian etnik Rungus. Hiasan yang amat dominan dipakai secara bersilang pada badan dipanggil *pinakol*. Selain itu, manik turut diperaga pada *togkol*, *arad* dan *inggot* pada bahagian leher serta *tinimbuku* atau *titimbok* (sanggul) pada bahagian kepala. Perhiasan lain yang melengkapi pakaian adalah *llungkaki*, iaitu hiasan tembaga kuning pada kaki, *orot* pada punggung atau pinggul, *ganggalung* pada bahagian leher dan *saring* pada bahagian tangan. Kepelbagaian perhiasan merujuk kepada penggunaan manik sebagai elemen penting dalam aksesori pakaian.



Rajah 3 Struktur dan penggunaan manik pada pakaian wanita


Berikut merupakan penggunaan manik pada pakaian wanita masyarakat Rungus.

- Ingot Kinangkaput* - Anyaman manik yang dipakai pada bahagian leher.
- Sulao* - Kalung bermanik yang disertakan dengan cangkerang putih. Loceng dilekatkan pada kedua-dua belah cakera di hadapan.
- Pinakol* - Manik yang dipakai secara bersilang, melintang dari dada ke belakang badan.
- Golinsung* - Gelang tangan diperbuat daripada cangkerang dan manik.
- Tinggot Togkol* - Gabungan manik carnelian, kaca dan cangkerang yang dijadikan kalung.
- Sandang* - Hiasan manik yang dipakai bersama *pinakol*. Hiasan ini diperbuat daripada tulang binatang.
- Orot* - Hiasan pinggang yang dipakai ke paras pinggul yang diperbuat daripada tembaga atau loyang dan manik.



Rajah 4 Penggunaan manik pada pakaian tradisional lelaki Rungus

Rajah 4 (i) dan (ii) menunjukkan hiasan manik pada pakaian tradisional lelaki Rungus. Rajah 4 (i) adalah imej pakaian pada pandangan hadapan, manakala Rajah 4 (ii) adalah imej pakaian pada pandangan belakang. Pakaian lelaki merangkumi *sigal*, *tinggot*, *pinakol*, *badu'*, *inaval*, *hokos*, *masap* dan *sandai*.



Rajah 5 Struktur dan penggunaan manik pada pakaian lelaki


- a) *Tinggot* - Anyaman manik yang dipakai pada bahagian leher.
- b) *Pinakol* - Manik yang dipakai secara bersilang, melintang dari dada ke belakang badan.

Motif Dominan Seni Manik Rungus

- 1) *Inompuling* - Motif bersumberkan serampang ikan.
- 2) *Inugarang* - Motif menyerupai cicak atau biawak kecil.
- 3) *Vinusak* - Motif bunga-bunga hutan.
- 4) *Sinusuk rabung* - Motif pucuk rebung.
- 5) *Tiningulung* - Motif berbentuk manusia.
- 6) *Livato* - Motif bersumberkan semangat atau hantu.
- 7) *Tinolutug* - Motif segi empat yang dikelilingi dengan corak segi tiga.
- 8) *Monsimung* - Motif bersumberkan semangat atau binatang.
- 9) *Sinopung* - Motif berbentuk piramid.
- 10) *Lijawan* - Motif paku-pakis.

Pinakol (Manik) dalam Pakaian Tradisi Wanita Rungus

Rajah 6 menunjukkan kedudukan pemakaian manik *pinakol* pada pakaian tradisional wanita masyarakat Rungus. *Pinakol* dipakai secara bersilang di bahagian dada, diikuti rantai leher yang dipanggil *tinggot* berserta *sulao*. *Pinakol* merupakan aksesori terpenting sebagai pelengkap kepada pakaian yang menjadi lambang status si pemakai.



Rajah 6 Imej manik *pinakol* (manik) pada pakaian tradisi wanita Rungus


Dipercayai bahawa seni *pinakol* menjadi pusaka daripada ibu kepada anak perempuan. Pembuatannya memerlukan kemahiran mencantum manik yang tinggi seperti teknik ikatan dan jahitan². Harga aksesori ini mencecah ratusan ringgit kerana keunikan susunan maniknya dan motif yang menarik. Pada masa kini, pembuatannya berkembang pesat dan lebih kreatif dengan transformasi warna serta ragam hias yang pelbagai. Rajah 7 menunjukkan ragam hias dan bentuk motif *pinakol* yang terdapat pada pakaian Rungus.



Rajah 7 Imej dan ragam hias *pinakol*

Secara tradisinya, pembuatan manik *pinakol* adalah terhad disebabkan faktor bilangan manik yang sedikit dan agak susah diperolehi. Manik diperolehi melalui pertukaran barang di antara pedagang China mahupun Brunei dengan masyarakat tempatan³. Pada ketika ini, mereka mengamalkan sistem barter kerana mata wang belum diperkenalkan. Seseorang yang memiliki manik pada ketika itu dianggap berstatus tinggi atau kaya kerana manik dilihat sebagai barang mewah yang sangat mahal. Disebabkan hal ini, maka *pinakol* dianggap warisan yang amat berharga dan mempunyai nilai estetika tersendiri.

Pinakol dipercayai mempunyai semangat (spiritual) yang datangnya daripada roh nenek moyang mereka. Lazimnya, *pinakol* diperturunkan kepada waris perempuan kerana dikaitkan dengan kecantikan⁴. Oleh itu, anak perempuan harus mempelajari serta menjaga aksesori ini dengan baik dan ditegah menghilangkannya.



Rajah 8 Motif asas *pinakol*


Rajah 8 (i hingga iv) merupakan motif asas daripada *pinakol*. Rajah 8 (i) iaitu *vinusak* (bunga-bunga hutan), Rajah 8 (ii) *inompuling* (bersumberkan serampang ikan), manakala Rajah 8 (iii) pula adalah *tinugarang* (binatang berbentuk cicak). Rajah 8 (iv) adalah *tingulung* (pahlawan lelaki). Terdapat variasi penceritaan di sebalik motif yang dihasilkan dalam manik *pinakol*. Motif-

motif yang dihasilkan lebih cenderung kepada kehidupan masyarakat Rungus pada ketika itu. Mereka menterjemahkan kisah yang telah berlaku melalui reka corak yang dihasilkan dalam *pinakol*.

Motif-motif ini dapat dikategorikan kepada enam jenis iaitu berbentuk manusia, senjata, semangat atau hantu, binatang seperti cicak, biawak, katak atau ular. Selain itu, *pinakol* juga bersumberkan motif geometri seperti piramid, tangga mahupun pagar serta bersumberkan tumbuh-tumbuhan daripada spesies bunga, rotan dan rebung.

Vinusak merupakan tumbuhan berasaskan bunga di hutan. Masyarakat Rungus mengibaratkan *vinusak* dengan gadis cantik yang bersopan-santun. *Inompuling* pula merupakan senjata iaitu serampang ikan. Serampang ikan diterima kerana kehidupan mereka berhampiran dengan pesisir sungai. Aktiviti harian yang dilakukan adalah menangkap ikan untuk dijadikan sumber makanan. Bagaimanapun, ada yang mengatakannya senjata anak panah kerana pada zaman dahulu masyarakat dikaitkan dengan kegiatan berburu di hutan untuk mendapatkan bekalan makanan.

Tinugarang adalah motif bersumberkan binatang yang berbentuk cicak. Binatang ini dipercayai tinggal di celah-celah batu sungai dan mempunyai bisa. Gigitan binatang ini boleh membawa maut. Informan menggambarkan *tinugarang* sebagai manusia yang dianggap bukan bangsa Rungus. Masyarakat Rungus juga menggambarkan *tinggulung* sebagai pahlawan lelaki Rungus pada zaman dahulu.



Rajah 9 Variasi corak *pinakol*

Rajah 9 (i hingga iii) menunjukkan corak *pinakol* bercirikan bentuk manusia, senjata, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Penggunaan warna-warna terang seperti hitam, kuning, merah dan putih menjadikan corak *pinakol* lebih tersusun. Pembuatan manik yang berselang-seli menghasilkan bentuk geometri agar nampak pemisah di antara motif-motif tersebut.


Rajah 9 (i) merujuk kepada imej asas dan kedudukan motif *pinakol* yang menceritakan bagaimana motif itu tercipta. Menurut informan⁵ yang telah ditemui bual, motif Rajah 9 (i) dicipta berdasarkan kisah pahlawan (*tingulung*) yang gagah menentang musuh dan berjaya memiliki gadis cantik (*vinusak*) lalu mereka berkahwin. *Tingulung* memburu di hutan dengan menggunakan senjata seperti anak panah (*inompuling*). Dalam perjalanan menuju ke hutan untuk berburu, *tingulung* perlu merentasi sungai dan pada ketika itu *tingulung* digigit binatang yang sangat berbisa (*tinugarang*). Gigitan tersebut hampir meragut nyawanya. Bertitik tolak daripada kejadian tersebut, masyarakat Rungus mengabadikan kisah ini dengan mencipta motif agar dikenang sepanjang zaman.

Menurut informan⁶ lain, *tingulung* (lelaki Rungus) dan *tinugarang* (seorang lelaki yang berbangsa selain Rungus) bermusuhan kerana ingin merebut *vinusak* (seorang gadis yang cantik). Maka, berlaku pergaduhan di antara mereka dan akhirnya *tinugarang* terbunuh akibat ditikam menggunakan *inompuling* (senjata) oleh *tingulung*.

Rajah 9 (ii) memaparkan ragam hias yang disusun secara berselang dan berulang. Pengulangan bentuk X dibuat sebagai pemisah kepada setiap motif yang dihasilkan. Susunan motif mempunyai garis yang selari dan diselang-selikan dengan bentuk X. Ragam hias yang terhasil menggambarkan kekemasan dan keharmonian. Rajah 9 (iii) pula adalah lebih realistik kerana dilengkapi dengan pelbagai bentuk dan saiz motif. Penggunaan bentuk segi tiga dan segi empat mendominasi motif dalam ragam hiasan. Komposisi ragam hias kelihatan berimbangan kerana motif *inompuling* dan *vinusak* disusun secara berulang dan berselang-seli di antara satu sama lain. Pengulangan garisan dalam ragam hias ini mewujudkan ruang di antara motif-motif tersebut.

Simbolisme Motif Manik *Pinakol* dan Pakaian dalam Masyarakat Rungus

Simbolisme dimaksudkan sebagai perlambangan pada sesuatu benda dan mengandungi maksud tertentu. Rajah 10 merujuk kepada deskripsi, interpretasi dan simbolisme pada motif *pinakol*.

Motif <i>Pinakol</i>	Deskripsi	Interpretasi	Simbolisme
 <p data-bbox="252 436 368 465"><i>Tiningulung</i></p>	<p data-bbox="444 243 643 494">Motif ini berbentuk seperti manusia yang dilengkapi kepala, badan dan kaki. Terdapat rupa bulat yang menunjukkan ruang dan bentuk motif tersebut.</p>	<p data-bbox="672 243 868 407">Pembentukan imej pada motif berbentuk geometri menjelaskan keseimbangan pada motif.</p>	<p data-bbox="897 243 1094 378"><i>Tiningulung</i> melambangkan kepahlawanan bagi masyarakat Rungus pada zaman dahulu.</p>
 <p data-bbox="252 680 368 709"><i>Inugarang</i></p>	<p data-bbox="444 513 643 658">Motif ini bentuk seekor cicak dan dilengkapi dengan empat kaki dan ekor yang panjang.</p>	<p data-bbox="672 513 868 716">Haiwan ini terdapat di sungai dan hidup di celah-celah batu. Binatang ini amat berbisa dan boleh membawa maut jika terkena gigitannya.</p>	<p data-bbox="897 513 1094 745">Motif <i>inugarang</i> dipercayai sebagai penjaga sungai. Sesiapa yang melihat <i>inugarang</i> perlu berhati-hati kerana dianggap amat berbahaya.</p>
 <p data-bbox="252 996 368 1025"><i>Inompuling</i></p>	<p data-bbox="444 761 643 929"><i>Inompuling</i> adalah sebilah senjata. Motif berbentuk cangkuk dan bersilang di antara satu sama lain.</p>	<p data-bbox="672 761 868 1093">Motif berbentuk geometri dan mempunyai imbang simetri. Motif dilengkapi cangkuk pada bahagian atas dan bawah yang menggambarkan alat untuk mempertahankan diri.</p>	<p data-bbox="897 761 1094 929">Motif ini berbentuk senjata yang melambangkan kekuatan kepada si pemilik atau pemakainya.</p>
 <p data-bbox="279 1278 354 1307"><i>Vinusak</i></p>	<p data-bbox="444 1116 643 1286"><i>Vinusak</i> merupakan kelopak dan bunga. Motif dihasilkan secara bersilang dan bentuk berlian di bahagian tengah.</p>	<p data-bbox="672 1116 868 1315">Motif dicipta berasaskan imbang simetri dan mempunyai cangkuk di bahagian atas dan bawah motif.</p>	<p data-bbox="897 1116 1094 1335">Motif melambangkan seorang wanita yang cantik. Selain itu, ia dikatakan sebagai bunga yang menjadi penawar gigitan binatang berbisa.</p>

Rajah 10 Reka corak dan simbolisme dalam seni manik Rungus

Masyarakat Rungus khasnya mengekspresikan bentuk-bentuk alam di sekelilingnya melalui motif pakaian mahupun aksesori seharian. *Pinakol* terbina daripada untaian manik yang dianyam atau diikat berdasarkan motif yang sangat menarik. Motif yang direka mempunyai cerita di sebaliknya dan memberi pengajaran kepada masyarakat itu sendiri.

Motif manik yang dominan dalam *pinakol* seperti *vinusak* melambangkan wanita cantik dan *tingulung*, iaitu pahlawan Rungus. *Inugarang* pula merupakan haiwan berbisa, manakala *inompuling* berasaskan senjata. Keempat-empat motif ini dihasilkan untuk menerangkan secara ringkas kepada masyarakat tentang cerita yang berlaku pada zaman dahulu lagi. Mereka mengaplikasikan cerita dan bentuk alam untuk menterjemahkan maksud motif yang dibuat. Disebabkan bentuk motif yang agak abstrak, maka masyarakat generasi muda tidak mengetahui maksud di sebalik motif tersebut. Sifat ingin tahu yang tinggi perlu diterapkan dalam jiwa generasi sekarang agar masyarakat Rungus lebih menghargai peninggalan warisan nenek moyang mereka.

Warna hitam lazim digunakan sebagai latar motif dalam seni manik. Warna ini selalunya dikaitkan dengan upacara spiritual. Hal ini demikian kerana hitam melambangkan kekuasaan atau warna ketuhanan. Warna hitam juga dipercayai dapat melindungi si pemakai daripada makhluk halus yang jahat. Informan⁷ menjelaskan bahawa penggunaan warna hitam adalah disesuaikan dengan cara hidup dan keadaan semula jadi pada ketika itu. *Pinakol* dan pakaian mereka turut mengandungi warna merah, putih dan kuning sebagai gambaran kepada keceriaan dan kecantikan.

Peranan Seni Manik dalam Rekaan *Pinakol* bagi Masyarakat Rungus

Sesungguhnya, manik *pinakol* merupakan aksesori yang dominan pada pakaian wanita Rungus. Bagi menghimpunkan kesemua warisan budaya, masyarakat Rungus telah berinisiatif dengan menubuhkan Persatuan Momogun Rungus Sabah (SAMORA). Persatuan ini berperanan dalam mengumpul semua warisan kraf tangan termasuk pakaian serta menganjurkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan.

Kampung Tinangol dan Rumah Bavanggazo di Matunggong, Kudat adalah antara kampung yang menjalankan aktiviti membuat *pinakol*. Para pelancong dan masyarakat luar dapat melihat seni *pinakol* dihasilkan oleh tukang kraf. Inisiatif ini menunjukkan *pinakol* mempunyai nilai tradisi yang tinggi demi memartabatkan adat dan budaya masyarakat Rungus. Selain itu, *pinakol* pada masa kini diletakkan sebagai ikon pada pakaian Rungus yang menjelaskan ketinggian tamadun dan budaya mereka.

Pada zaman dahulu, seseorang yang berkedudukan tinggi dan golongan yang mampu sahaja dapat memiliki manik-manik kerana pada ketika itu harga manik adalah sangat mahal. Manik dalam pembuatan *pinakol* sebagai aksesori pada pakaian sangat dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat. Susunan

manik yang sistematik secara tidak langsung membentuk motif pada *pinakol* yang hanya dapat dihasilkan oleh wanita yang pakar.

Pinakol merupakan lambang jati diri dan kecantikan kepada kaum wanita Rungus. Hal ini disebabkan *pinakol* mempunyai signifikan dengan semangat atau roh nenek moyang yang menuntut agar seni manik dijaga dengan baik. Kemahiran dan kreativiti ini perlu dipelajari agar warisan turun-temurun dapat dikekalkan untuk generasi akan datang.

KESIMPULAN

Kepelbagaian manik Rungus secara tidak langsung menggambarkan bahawa negeri Sabah adalah kaya dengan budayanya. Penghasilan manik dalam masyarakat Rungus menterjemahkan aktiviti kehidupan, adat dan budaya. Seni manik diilhamkan daripada pelbagai objek dan alam sekeliling menjelaskan kreativiti dan pemikiran mereka. Ragam hias dalam rekaan sulaman manik didominasi dengan objek seperti binatang, manusia, semangat atau hantu, tumbuh-tumbuhan, geometri dan bentuk senjata. Gambaran ini jelas menunjukkan keakraban mereka terhadap alam sekeliling dan aktiviti harian.

Manik sememangnya mempunyai nilai dan kelas yang tersendiri kerana keunikan bentuknya dan cara penghasilannya memerlukan penelitian yang mendalam. Oleh hal yang demikian, kajian yang berterusan dan mendalam mampu mengupas maksud di sebalik ragam motif yang terhasil. Selain itu, penggunaan manik menjelaskan adab pemakaian dalam adat pakaian masyarakat Rungus. Warisan turun-temurun ini perlu dipelajari dalam konteks pembuatannya agar tidak luput ditelan zaman.

NOTA

- ¹ Diubah suai daripada <https://www.google.com/search?q=peta+daerah+kudat&espv>
- ² Jusnah binti Jinos, 37 tahun, Kampung Bintoon, pembuat kraf (9 Oktober 2015).
- ³ Ross binti Sabala, 56 tahun, Kampung Tinangol, pembuat kraf (11 Mei 2016).
- ⁴ Ross binti Sabala, 56 tahun, Kampung Tinangol, pembuat kraf (11 Mei 2016).
- ⁵ Mongonbejar binti Mongoro, 65 tahun, Rungus, pembuat kraf manik (9 Oktober 2015).
- ⁶ Ross binti Sabala, 56 tahun, Kampung Tinangol, pembuat kraf (11 Mei 2016).
- ⁷ Mohuemehin binti Mangalis, 96 tahun, Kampung Tinangol, pembuat kraf (11 Mei 2016).

RUJUKAN

- Abd. Aziz Hj. Manggong, OKK (Ed.). (1987). *Hukum-hukum adat-istiadat suku-suku kaum daerah Kota Marudu*. Kota Marudu: Pejabat Daerah Kota Marudu.
- Appell, G. N. (1964). The long-house apartment of the Rungus Dusun. *Sarawak Museum Journal*, (XI).
- Budiono Herusatoto. (1985). *Simbolisme dalam budaya Jawa*. Yogyakarta: Pt. Harindita.
- Dr.Bambang Sugiharto, Mamannoor. (2002). *Wacana kritik seni rupa di Indonesia*. Bandung: Yayasan Adikarya IKAPI dan The Ford Foundation.
- Francis, P., Jr. (1989). Mantai: Bead crossroads of the medieval world. *Ornament*, 12 (3), pp. 82–91.
- Heidi Munan. (2005). *Beads of Borneo*. University of Michigan: Editions Didier Millet.
- Irene Benggon-Charuruks & Jannet Padasian. (1992). *Cultures, customs and traditions of Sabah*. Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Ismail Ibrahim. (2007). *Warisan motif dan corak*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Janet Coles & Robert, Budwig. (1990). *The book of beads: A practical and inspirational guide to beads and jewelry making*. USA: Pennsylvania State University.
- Rita Lasimbang & Stella Moo Tan. (1997). *An introduction to the traditional costumes of Sabah*. Kota Kinabalu: Department of Sabah Museum.
- Raymond Majumah. (2014). *Adat resam dan pantang larang suku kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ong Puay Liu. (1994). Research note: Glimpses in passing of life in a Rungus longhouse. *Sumber*; 8, pp. 153–161.
- <https://www.google.com/search?q=peta+daerah+kudat&espv>

Informan

- Ross binti Sabala, 56 tahun, Kampung Tinangol, pembuat kraf (11 Mei 2016).
- Mohuemehin binti Mangalis, 96 tahun, Kampung Tinangol, pembuat kraf (11 Mei 2016).
- Mongonbejar binti Mongoro, 65 tahun, Rungus, pembuat kraf (9 Oktober 2015).
- Jusnah binti Jinos, 37 tahun, Kampung Bintoon, pembuat kraf (9 Oktober 2015).

